

KESALAHAN PENGGUNAAN “INDEFINITE ARTICLE” DALAM PEMBELAJARAN BAHASA JERMAN: KAJIAN KES TERJEMAHAN AYAT OLEH PELAJAR TAHAP DUA DI UiTM CAWANGAN PULAU PINANG

Raja Rosila Raja Berahim¹

Noraziah Mohd Amin²

1. Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang, Malaysia;
2. Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang, Malaysia.rajarosila@ppinang.uitm.edu.my;
2. noraziahm.amin@gmail.com/noraziahm@ppinang.uitm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan mengenalpasti dan menganalisis kesalahan tatabahasa bahasa Jerman dari segi penggunaan “indefinite article” yang dilakukan oleh pelajar tahap dua bagi kursus “Introductory German Level II” di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang. Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berbentuk kualitatif. Data kajian diperoleh daripada jawapan ujian penulisan pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik yang mempelajari bahasa Jerman sebagai kursus elektif. Jumlah peserta kajian yang terlibat ialah seramai 27 orang. Setelah mengenal pasti, menganalisis dan membandingkan kesalahan terjemahan “indefinite article” daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Jerman, dapatan kajian mendapati bahawa terdapat begitu ramai pelajar yang melakukan kesalahan penggunaan “indefinite article” dalam bahasa Jerman dengan betul iaitu seramai 25 orang daripada keseluruhan jumlah sampel kajian iaitu seramai 27 pelajar. Secara tidak langsung, kajian ini dapat mengenal pasti tahap penguasaan “indefinite article” bahasa Jerman dalam kalangan pelajar bagi kursus yang dikaji. Kajian ini diharapkan dapat membantu pengajar dan pelajar bahasa Jerman memperbaiki strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Jerman agar menjadi lebih baik, mudah difahami dan lebih efisien.

Keywords: *Bahasa Jerman, “indefinite article”, terjemahan, bahasa Inggeris*

1.0 PENGENALAN

Arus pemodenan dan kemajuan dunia telah menuntut masyarakat sesebuah bangsa untuk mempelajari lebih daripada satu bahasa. Sesebuah bahasa mempunyai tatabahasa yang tersendiri yang perlu dipatuhi oleh setiap pengguna bahasa tersebut. Tatabahasa yang dimiliki oleh sesuatu bahasa kemungkinan mempunyai persamaan dan perbezaan sama ada dari segi fonologi, morfologi, semantik atau sintaksis dengan bahasa yang lain bergantung kepada asal-usul sesuatu bahasa tersebut. Bahasa Jerman dan bahasa Inggeris yang menjadi sumber data kajian ini merupakan bahasa yang berasal daripada keluarga bahasa yang sama iaitu anggota kumpulan bahasa Germanik Barat dari rumpun Germanik dalam keluarga bahasa Proto Indo-Eropah (Johnson, 1998: 10-11). Kedua-dua bahasa ini mempunyai persamaan dan perbezaan tertentu dan memberi pengaruh antara satu sama lain. Dalam proses pembelajaran sesebuah bahasa, seseorang pelajar itu tidak terlepas daripada melakukan kesalahan tatabahasa sebagaimana menurut Corder (1967), “by producing errors, it shows that the learners are progressing and participating.” Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan kepada analisis kesalahan penggunaan “indefinite article” dalam menterjemahkan ayat bahasa Inggeris kepada bahasa Jerman yang dilakukan oleh pelajar-pelajar yang mempelajari kursus “Introductory German Level II.”

1.1 *Penyataan Masalah Kajian*

Bahasa Jerman merupakan salah sebuah bahasa ketiga yang perlu dipelajari oleh pelajar-pelajar Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Kimia di UiTM Cawangan Pulau Pinang sebagai kursus elektif. Sepanjang tempoh pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda, pelajar-pelajar tersebut perlu mempelajari 3 tahap bahasa Jerman iaitu “Introductory German Level I”, “Introductory German Level II” dan “Introductory German Level III.” Terdapat pelbagai kesalahan tatabahasa yang telah dilakukan antaranya ialah kesalahan penggunaan “indefinite article” dalam bahasa Jerman. Keadaan ini dapat dilihat berdasarkan prestasi ujian penulisan yang menguji penggunaan “indefinite article” dalam bahagian terjemahan daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Jerman yang mana pencapaiannya amat kurang memuaskan. Hal ini berlaku disebabkan oleh terdapatnya perbezaan penggunaan “indefinite article” antara bahasa Inggeris dengan bahasa Jerman yang perlu diberi perhatian serius oleh pelajar-pelajar. Oleh itu, kajian ini adalah sangat penting untuk mendedahkan kesalahan penggunaan “indefinite article” dalam bahasa Jerman di kalangan pelajar tahap II di UiTM Cawangan Pulau Pinang dan kemungkinan-kemungkinan yang dapat disimpulkan berkenaan isu yang dibincangkan.

1.2 *Objektif Kajian*

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti kesalahan-kesalahan penggunaan “indefinite article” dalam ujian penulisan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar kursus “Introductory German Level II” di UiTM Cawangan Pulau Pinang. Secara spesifiknya, kajian ini dijalankan dengan suatu tujuan utama, iaitu:

i) Mengenal pasti sama ada terdapat kesalahan penggunaan “indefinite article” dalam menterjemahkan ayat bahasa Inggeris kepada bahasa Jerman oleh pelajar kursus “Introductory German Level II.”

1.3 *Persoalan Kajian*

Dalam kajian ini, suatu persoalan kajian telah dibina berdasarkan objektif kajian untuk melaksanakan kajian ini bertepatan dengan tujuannya. Soalan kajian yang telah dibina untuk kajian ini ialah:

i) Adakah terdapat kesalahan penggunaan “indefinite article” dalam menterjemahkan ayat bahasa Inggeris kepada bahasa Jerman oleh pelajar kursus “Introductory German Level II”?

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijangka dapat mengesan jika terdapat pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan penggunaan “indefinite article” dan hal ini dapat membolehkan pengajar merangka teknik-teknik pengajaran yang lebih berkesan bagi membantu pelajar-pelajar menguasai penggunaan “indefinite article” serta seterusnya dapat meningkatkan minat dan prestasi penguasaan bahasa Jerman di kalangan pelajar UiTM Cawangan Pulau Pinang khususnya. Kajian ini juga dapat menjadi sumber rujukan bagi pengetahuan berkenaan pembelajaran “indefinite article” bahasa Jerman di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia.

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Definisi “Tatabahasa” dan Kepentingan Tatabahasa yang Betul

Menurut Praninskas (1980), “tatabahasa” ialah komponen asas sesuatu bahasa yang mesti dipelajari oleh pelajar. Seterusnya Fromkin, V. et al. (2003) pula mendefinisikan tatabahasa dengan menyatakan bahawa:

“The grammar of a language consists of the sounds and sounds patterns, the basic units of meaning such as words, and the rules to combine all of these to form sentences with the desired meaning.” (p. 14)

Swan (2005) mendefinisikan “tatabahasa” sebagai suatu “set yang terdiri daripada elemen-elemen (urutan perkataan, fleksi, penggunaan kata fungsi, kontur intonasi) yang diperlukan terutamanya untuk menyatakan jenis makna tertentu yang tidak dapat disampaikan oleh perbendaharaan kata rujukan sahaja: terutamanya dalam perkaitan antara konsep, peranan peserta (dalam komunikasi) dan suasana. Elemen-elemen ini juga digunakan secara meluas untuk mengodkan makna relatif abstrak yang lain seperti perhubungan masa, nombor atau keadaan nyata” (hlm. 120).

Swan (2005) mendakwa bahawa bahasa standard semestinya lebih baik daripada gaya bahasa yang bertentangan dengan penggunaan bahasa, tetapi sebenarnya bahasa standard lebih baik untuk tujuan rasmi seperti pendidikan dan urusan kerajaan. Nelson (2014) berpendapat bahawa tiada kepelbagaian bahasa Inggeris termasuk bahasa Inggeris standard yang sememangnya lebih baik atau lebih buruk daripada yang lain. Walau bagaimanapun, cabang bahasa standard adalah yang mempunyai nilai terbesar dalam istilah sosial sebagai alat komunikasi, terutamanya untuk komunikasi awam dan profesional.

2.2 Analisis Kesalahan Tatabahasa

Terdapat beberapa orang pengkaji yang telah membincangkan analisis kesalahan tatabahasa dari perspektif yang berbeza. Analisis kesalahan tatabahasa merupakan satu kaedah penyelidikan yang mempunyai satu set prosedur yang bertujuan untuk mengenal pasti, menggambarkan dan menerangkan kesalahan tatabahasa pelajar bahasa kedua (.....).

Corder (1967) dan Brown (2000) menekankan bahawa mengkaji kesalahan tatabahasa pelajar adalah sangat penting kerana seorang pengajar itu dapat mengetahui tahap penguasaan bahasa seseorang pelajar. Corder (1979) turut mengemukakan prosedur untuk menganalisis kesalahan tatabahasa yang terdiri daripada lima peringkat iaitu,

- i) “selection of a corpus of language” (pemilihan korpus bahasa)
- ii) “identification of errors in the corpus” (mengenal pasti kesalahan dalam korpus)
- iii) “classification of the errors identified” (mengklasifikasikan kesilapan yang dikenal pasti)

- iv) “explanation of the psycholinguistic causes of the errors” (menjelaskan mengenai psikolinguistik yang menyebabkan kesalahan)
- v) “evaluation (error gravity ranking) of the errors” (menilai (kedudukan graviti ralat) kesilapan)

Pengkaji tatabahasa bahasa Melayu iaitu Siti Baidura dan Nurul Jamilah (2011) telah mengkaji kesalahan tatabahasa dalam kalangan pelajar asing yang mempelajari kursus Bahasa Melayu II untuk Pelajar Asing di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Para peserta kajian yang dipilih terdiri daripada pelajar asing yang dipilih secara rawak. Penulisan karangan oleh pelajar tersebut telah digunakan sebagai data kajian dan diperkukuhkan dengan dapatan soal selidik daripada 10 orang pensyarah yang mengajar kursus tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa kesalahan ortografi iaitu kesalahan ejaan dan penggunaan huruf besar atau kecil dipermulaan ayat merupakan kesalahan yang paling banyak dilakukan dan diikuti oleh kesalahan aspek ayat, frasa dan seterusnya perkataan. Manakala, hasil daripada soal selidik, mereka mendapati antara faktor yang menyebabkan hal ini berlaku ialah gangguan bahasa ibunda, sikap pelajar dan keadaan persekitaran bahasa di universiti terlibat.

3.0 METODOLOGI

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berbentuk kualitatif yang mengenal pasti kesalahan penggunaan “indefinite article” dan menganalisis kesalahan-kesalahan tersebut dengan menghuraikannya mengikut peraturan penggunaan tatabahasa bahasa Jerman yang betul.

3.2 Peserta kajian

Bagi menjalankan kajian ini seramai 27 orang pelajar kursus “Introductory German Level II” di UiTM Cawangan Pulau Pinang telah terlibat sebagai peserta kajian. Pemilihan ini adalah dilakukan secara rawak. Sebanyak 27 kertas ujian penulisan pelajar tersebut telah digunakan sebagai data kajian.

3.3 Instrumen

Pengkaji menggunakan jawapan ujian penulisan pelajar sebagai data kajian. Soalan ujian penulisan tersebut mengandungi 6 bahagian soalan. Bahagian yang dipilih untuk kajian ini ialah bahagian keenam iaitu soalan berbentuk terjemahan yang mana dalam soalan tersebut terdapat satu soalan yang menguji pengetahuan penggunaan “indefinite article” dalam bahasa Jerman yang memerlukan pelajar untuk menterjemahkan ayat bahasa Inggeris kepada bahasa Jerman.

3.4 Prosedur Pengumpulan Data

Data dikumpulkan dengan memilih 27 skrip kertas soalan ujian penulisan yang telah dijawab oleh 27 orang pelajar kursus “Introductory German Level II” dalam tempoh masa yang telah ditetapkan iaitu selama 1 jam 30 minit. Pelajar menjawab kertas soalan yang diberikan di kelas masing-masing di UiTM Cawangan Pulau Pinang.

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Adakah terdapat kesalahan penggunaan “indefinite article” dalam menterjemahkan ayat bahasa Inggeris kepada bahasa Jerman oleh pelajar kursus “Introductory German Level II”?

Untuk menjawab persoalan kajian sama ada terdapat kesalahan penggunaan “indefinite article” dalam menjawab soalan terjemahan ayat bahasa Inggeris kepada bahasa Jerman, kertas-kertas ujian pelajar disemak dan ayat terjemahan diekstrak dan dimasukkan ke dalam jadual. Jadual 1 di bawah merupakan soalan nombor empat bahagian yang keenam dalam ujian penulisan berserta jawapan yang betul yang perlu diberikan oleh pelajar bagi menjawab soalan tersebut.

Jadual 1: Soalan (Ayat Asal) dan Jawapan (Terjemahan)

Soalan (ayat asal)	<i>Angela and Linda have a wardrobe and a mirror.</i>	Bahasa Inggeris
Jawapan (terjemahan)	<i>Angela und Linda haben einen Kleiderschrank und einen Spiegel.</i>	Bahasa Jerman

Soalan ini merupakan soalan berbentuk terjemahan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Jerman. Ayat yang diberikan dalam soalan merupakan sebuah ayat penyata dan pelajar perlu menterjemahkan ayat tersebut kepada bahasa Jerman mengikut tatabahasa bahasa Jerman yang betul. Dalam soalan tersebut terdapat dua frasa “indefinite article” bagi “a” iaitu “a wardrobe” dan “a mirror” yang perlu diterjemahkan kepada frasa “indefinite article” dalam bahasa Jerman iaitu “einen Kleiderschrank” dan “einen Spiegel”. Berdasarkan senarai jawapan yang telah diberikan oleh pelajar dalam Jadual 2 di bawah, pengkaji mengenalpasti dan menganalisis kesalahan penggunaan “indefinite article” yang telah dilakukan.

Jadual 2: Senarai Jawapan Pelajar

No. Pelajar	Jawapan Pelajar
1	<i>Angela und Linda hat ein waidrobe und ein mirror.</i>
2	<i>Angela und Linda hat ein</i>
3	<i>Angela und Linda habt einen Kleidershrank und einen Spiegel.</i>
4	<i>Angela und Linda hat einen Schreibe und einen</i>
5	<i>Angela und Linda</i>
6	<i>Angela und Linda hat eine kommode und ein Spiegel</i>
7	<i>Angela und Linda habe einen Kleiderschrank und einen Spiegel.</i>
8	<i>Tiada Jawapan</i>
9	<i>Angela und Linda haben eine Schreibtisch und eine stuhl</i>
10	<i>Angela und Linda hat einen Kommode und einen Speigel.</i>
11	<i>Angela und Linda haben eine Kuhlschrank und eine Spiegel.</i>
12	<i>Angela und Linda hat eine kleiderschrank und eine spiegel</i>
13	<i>Angela und Linda hat der klaiderschrank und der Spiegel.</i>
14	<i>Angela und Linda hat</i>
15	<i>Angela und Linda hat eine Cleidr und eine schlark.</i>
16	<i>Angela und Linda habe eine Kühlschrank und eine Spiegel.</i>
17	<i>Angela und had Schnupfen und Husten.</i>
18	<i>Angela und Linda hat</i>
19	<i>Angela und Linda hat der kleide schrank und der Spiegel.</i>
20	<i>Angela und Linda hat die Kommode und das Spiegel.</i>
21	<i>Angela und Linda hat eine Kommode und eine Spiegel.</i>
22	<i>Angela und linda hat einen Schreibtisch und stuhl.</i>
23	<i>Angela und Linda hat ein spiegel und kommode.</i>
24	<i>Angela und Linda</i>
25	<i>Angela und Linda hat eine wardrobe und eine spiegel.</i>
26	<i>Angela und Linda haben eine Kommode und eine Spiegel.</i>
27	<i>Angela und Linda hat eine Kommode und einen Spiegel.</i>

Berdasarkan senarai jawapan di atas, tiada seorang pelajar pun yang dapat menjawab soalan terjemahan di atas dengan tepat dan mendapat markah penuh 2. Selain disebabkan oleh penggunaan “indefinite article” yang salah, terdapat juga beberapa kesalahan lain iaitu kesalahan ejaan, kesalahan mengkonjugasi kata kerja dan kesalahan pemilihan perkataan terjemahan yang tepat. Namun, dalam kajian pada kali ini, pengkaji hanya membincangkan kesalahan penggunaan “indefinite article” dengan lebih terperinci.

Terdapat dua orang pelajar sahaja yang dapat menterjemahkan, “a wardrobe” dan “a mirror” dengan menggunakan “indefinite article” dalam bahasa Jerman dengan betul iaitu pelajar nombor 3 dan nombor 7. Walau bagaimanapun, perkataan “Kleidershrank” telah dieja secara salah oleh pelajar nombor 3. Sepatutnya ejaan yang betul ialah “Kleiderschränk.” Sampel jawapan pelajar-pelajar tersebut ialah seperti di bawah:

No. Pelajar	Senarai Jawapan Pelajar dan Kesalahan Penggunaan “Indefinite Article”
3	<i>Angela und Linda habt einen Kleidershrank und einen Spiegel.</i>
7	<i>Angela und Linda habe einen Kleiderschränk und einen Spiegel.</i>

Terdapat dua orang pelajar yang dapat menterjemahkan frasa, “a mirror” dengan menggunakan “indefinite article” dalam bahasa Jerman dengan betul iaitu pelajar nombor 10 dan nombor 27. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua pelajar ini mengetahui bahawa ayat tersebut merupakan ayat akusatif kerana terdapat penggunaan kata kerja “hat” (“to have”). Oleh itu, “indefinite article” yang digunakan ialah “einen” juga dari bentuk akusatif adalah betul. Walau bagaimanapun, perkataan “Speigel” telah dieja salah oleh pelajar nombor 10, sepatutnya ejaan yang betul ialah “Spiegel.”. Jawapan pelajar tersebut ialah:

No. Pelajar	Senarai Jawapan Pelajar dan Kesalahan Penggunaan “Indefinite Article”
10	<i>Angela und Linda hat einen Kommode und einen Speigel.</i>
27	<i>Angela und Linda hat eine Kommode und einen Spiegel.</i>

Terdapat seorang pelajar yang telah menterjemahkan frasa “indefinite article” “a mirror” kepada frasa “indefinite article” bentuk kasus nominatif iaitu “ein Spiegel”. Sedangkan sepatutnya pelajar perlu menterjemahkan kepada frasa “indefinite article” bentuk kasus akusatif iaitu “einen Spiegel”. Jawapan pelajar tersebut ialah:

No. Pelajar	Senarai Jawapan Pelajar dan Kesalahan Penggunaan “Indefinite Article”
6	<i>Angela und Linda hat eine Kommode und ein Spiegel.</i>

Terdapat seramai tiga orang pelajar yang telah menterjemahkan kata “indefinite article” “a” kepada “definite article” dalam bahasa Jerman. Contohnya ialah seperti dalam jadual di bawah.

No. Pelajar	Senarai Jawapan Pelajar dan Kesalahan Penggunaan “Indefinite Article”
13	<i>Angela und Linda hat der klaiderschrnk und der Spiegel.</i>
19	<i>Angela und Linda hat der kleide schrnk und der Spiegel.</i>
20	<i>Angela und Linda hat die Kommode und das Spiegel.</i>

Pelajar nombor 13 dan nombor 19 telah menulis artikel gender atau “definite article” yang betul bagi perkataan “Kleiderschrnk” dan “Spiegel”. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tersebut mengetahui bahawa kedua-dua kata nama ini adalah bersifat maskulin. Sepatutnya pelajar perlu menulis artikelnya dalam bentuk “indefinite article” bagi kasus akusatif iaitu “einen”.

Selebihnya iaitu seramai 13 orang pelajar yang tidak dapat menterjemahkan kedua-dua frasa “indefinite article”, “a wardrobe” dan “a mirror” dalam bahasa Jerman dengan betul. Sepatutnya pelajar perlu menterjemahkan kepada “einen Kleiderschrnk” dan “einen Spiegel” iaitu menggunakan “indefinite article” bentuk kasus akusatif.

Jadual 5: Jawapan Pelajar dan Kesalahan Penggunaan “Indefinite Article”

Bil	No. Pelajar	Senarai Jawapan Pelajar dan Kesalahan Penggunaan “Indefinite Article”
1.	1	<i>Angela und Linda hat ein waidrobe und ein mirror.</i>
2.	2	<i>Angela und Linda hat ein</i>
3.	4	<i>Angela und Linda hat einen Schreibe und einen</i>
4.	9	<i>Angela und Linda haben eine Schreibtisch und eine stuhl.</i>
5.	11	<i>Angela und Linda haben eine Kuhlschrnk und eine Spiegel.</i>
6.	12	<i>Angela und Linda hat eine kleiderschrnk und eine spiegel.</i>
7.	15	<i>Angela und Linda hat eine Cleidr und eine schlark.</i>
8.	16	<i>Angela und Linda habe eine Kühlschrnk und eine Spiegel.</i>
9.	21	<i>Angela und Linda hat eine Kommode und eine Spiegel.</i>
10.	22	<i>Angela und linda hat einen Schreibtisch und stuhl..</i>
11.	23	<i>Angela und Linda hat ein spiegel und kommode.</i>
12.	25	<i>Angela und Linda hat eine wardrobe und eine spiegel.</i>
13.	26	<i>Angela und Linda haben eine Kommode und eine Spiegel.</i>

5.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dalam tatabahasa kedua-dua bahasa iaitu bahasa Jerman dan bahasa Inggeris terdapat penggunaan “indefinite article”. Namun peraturan atau cara penggunaan bagi kedua-duanya adalah berbeza. Penggunaan “indefinite article” dalam bahasa Jerman dipengaruhi oleh gender sesuatu objek atau kata nama dan kasus sesebuah ayat. Kata nama dalam bahasa Jerman terbahagi kepada tiga iaitu sama ada maskulin, feminin atau neuter. Kasus pula terdiri daripada 4 iaitu nominatif, akusatif, datif dan genitif. Namun, keadaan ini berbeza dengan bahasa Inggeris yang mana penggunaan “indefinite article” tidak dipengaruhi oleh kedua-dua unsur tersebut. Oleh hal yang demikian, bagi menterjemah sesebuah ayat atau teks dengan betul dan tepat, seseorang penterjemah itu perlu mengetahui ilmu tatabahasa bagi kedua-dua bahasa dengan baik.

Antara faktor yang mungkin menyebabkan pelajar telah melakukan kesalahan penggunaan “indefinite article” dalam bahasa Jerman adalah kerana pelajar tidak mengingati kedua-dua kata nama “a wardrobe” dan “a mirror” dalam bahasa Jerman berserta gendernya yang bersifat maskulin. Antara faktor lain ialah mungkin pelajar tidak menyedari bahawa ayat tersebut merupakan ayat akusatif kerana terdapatnya kata kerja “hat” yang bermaksud “to have” yang mana pelajar perlu memilih “indefinite article” juga dari bentuk kasus akusatif kategori maskulin. Seterusnya ialah sikap pelajar yang tidak berminat dan bermotivasi untuk mempelajari tatabahasa bahasa Jerman dengan bersungguh ditambah pula dengan tatabahasa Jerman yang agak kompleks.

6.0 RUJUKAN

- Brown, H. D. (2000). *Principles of language learning and teaching (4 ed.)*. Addison Wesley Longman: Longman.
- Corder, S. P. (1979). *Introducing applied linguistics*. Great Britain: Penguin Books Ltd.
- Corder, S. P. (1967). The significance of learner’s errors. *International Review of Applied Linguistics*, 5 (4), 161-170.
- Fromkin, V., Rodman, R., & Hyams, N. (2003). *An Introduction to Language (7th ed)*. United States: Thomson Wadsworth, 2003.
- Nelson, E. (April 9, 2014). ‘Grammar Nazi’ a deplorable term. Retrieved from <http://www.suunews.com/news/2014/apr/09/grammar-nazi-deplorable-term/>
- Siti Baidura Kasiran & Nurul Jamilah. (2011). *Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu Dalam Karangan Pelajar Asing Di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam* (Kuala Lumpur: 2nd International Language Conference, 2011), 1-29.
- Swan, M. (2005). *Grammar (Oxford Introduction to Language Study Series) (1st ed)*. Oxford, UK: Oxford University Press.